



قجابه فربندهاران نكري كلنتن
PEJABAT PERBENDAHARAAN
NEGERI KELANTAN
Blok 4, Kota Darulnaim,
15503 Kota Bharu, Kelantan.

Pentadbiran Am : 09-7481957
Pegawai Kewangan Negeri : 09-7485343
Timbalan Pegawai Kewangan Negeri : 09-7436429
Bendahari Negeri : 09-7483484
Penolong Pegawai Kewangan Negeri : 09-7441024
(Khidmat Pengurusan)
Fax No : 09-7487113
E-mail : treasury@kelantan.gov.my
Web site : www.pkn.kelantan.gov.my

Ruj. Kami : PKN.A.12-2 Jld.2 (23)
Bertarikh : 11 Syaaban 1438H
8 Mei 2017

Ke majlis,

Sebagaimana Senarai Edaran

YB/YAA/YM/YABhg./Dato'/Tuan,

ANUGERAH INOVASI PENGURUSAN KEWANGAN NEGERI KELANTAN TAHUN 2017

Dengan hormatnya hamba Dato'/saya diarah merujuk kepada perkara di atas.


2. Sukacita dimaklumkan bahawa Sambutan Hari Inovasi Peringkat Negeri Kelantan akan diadakan pada 31 Oktober 2017 bertempat di Dewan Bunga Teratai, Kompleks Kota Darulnaim.
3. Sehubungan dengan itu, Perbendaharaan Negeri Kelantan selaku Urusetia Anugerah Inovasi Kategori Pengurusan Kewangan menjemput dan mengalu-alukan penyertaan daripada jabatan YB/YAA/YM/YABhg./Dato'/tuan bagi kategori **Inovasi Pengurusan Kewangan Negeri Kelantan Tahun 2017**. Adalah dimaklumkan bahawa penyertaan daripada pihak YB/YAA/YM/YABhg./Dato'/Tuan amatlah digalakkan untuk pemilihan ke peringkat kebangsaan kelak. Bersama-sama ini juga disertakan garis panduan pelaksanaan projek/program inovasi sebagaimana **lampiran 1** untuk rujukan pihak YB/YAA/YM/YABhg./Dato'/tuan.
4. Borang penyertaan Anugerah Inovasi Pengurusan Kewangan adalah sebagaimana di **lampiran 2** dan dipohon agar dapat dikemukakan kepada pejabat ini **sebelum atau pada 15 Ogos 2017 atau difakskan ke 09-7461813 [u/p : YBr. Penolong Pegawai Tadbir (Khidmat Pengurusan)]** untuk tindakan selanjutnya.
5. Di atas perhatian dan kerjasama daripada pihak YB/YAA/YM/YABhg./Dato'/tuan berkenaan perkara ini amatlah dihargai dan diucapkan terima kasih.

Sekian.

Ruj. Kami : PKN.A.12-2 /Jld.2(23)

'ISLAM DIJULANG, RAJA DIJUNJUNG, RAKYAT DISANJUNG'

Hamba Dato'/saya yang menurut perintah,


(MOHAMMAD YUSOFF BIN HASSAN)
Timbalan Pegawai Kewangan Negeri
b.p. Pegawai Kewangan Negeri
Kelantan

s.k :

Yang Berhormat Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan
[u.p : YBrs. Ketua Penolong Setiausaha (Pengurusan Korporat)]

e.d :

Yang Berhormat Dato' Pegawai Kewangan Negeri Kelantan

**BORANG PENYERTAAN
ANUGERAH INOVASI PENGURUSAN KEWANGAN**

1. Maklumat Jabatan Yang Memohon :

Nama Jabatan : _____

Alamat : _____

No. Telefon : _____ No. Faks : _____

2. Tajuk Projek / Inovasi :

(Sila Gunakan Lampiran Berasingan Sekiranya Tidak Mencukupi)

3. Nama Pegawai Bertanggungjawab Untuk Dihubungi :

Nama : _____

Jawatan : _____

Telefon : _____ No. Faks : _____

Emel : _____

4. Nama, Tandatangan Ketua Jabatan dan Cop Jabatan :

_____ Tarikh : _____

GARIS PANDUAN

ANUGERAH INOVASI SEKTOR AWAM NEGERI KELANTAN 2017 (AISAK)

1. Tujuan Garis Panduan

Tujuan garis panduan ini dikeluarkan adalah untuk membantu agensi/jabatan kerajaan negeri Kelantan mengemukakan permohonan untuk menyertai Anugerah Inovasi Sektor Awam Negeri Kelantan (AISAK) 2017. Penyertaan untuk tahun 2017 diputuskan **DIWAJIBKAN** kepada semua agnesi/jabatan negeri. Agensi/jabatan negeri yang gagal menyertai akan diberikan surat tunjuk sebab.

2. Pendahuluan:

Anugerah Inovasi Sektor Awam Negeri Kelantan 2017 atau ringkasnya AISAK adalah usaha pembudayaan inovasi tertinggi bagi sektor awam di negeri Kelantan. Penganjuran anugerah ini adalah pematuhan pentadbiran awam negeri Kelantan kepada PANDUAN PENINGKATAN BUDAYA INOVASI DALAM PERKHIDMATAN AWAM bertarikh 29 Januari 2010 oleh Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU), Jabatan Perdana Menteri.

Ia bertujuan untuk memberi pengiktirafan terhadap inovasi yang dihasilkan oleh agensi/jabatan kerajaan negeri Kelantan bagi membudayakan inovasi dalam sektor awam negeri ini.

Ia sebelum ini dikenali sebagai **Anugerah Inovasi Perkhidmatan Awam Negeri Kelantan** dan telah dilaksanakan sejak tahun 2011. Inisiatif penamaan baharu anugerah ini adalah untuk mengikuti nama anugerah induk ini di peringkat nasional (negara) yang diurusetikan oleh MAMPU iaitu **Anugerah Inovasi Sektor Awam (AISA)** . Bagi negeri Selangor, anugerah yang sama dikenali sebagai *Anugerah Inovasi Negeri Selangor* (AINS)

Format penganjuran anugerah inovasi di peringkat negeri ini adalah mengikut format anugerah di peringkat nasional (negara). Diharap, projek inovasi yang dicalonkan diperingkat negeri ini akan dapat dicalonkan pula di peringkat nasional nanti.

Semoga garis panduan ini dapat membantu agensi kerajaan negeri Kelantan mengemukakan permohonan untuk menyertai Anugerah Inovasi Sektor Awam Negeri Kelantan (AISAK) dengan berpandukan syarat kelayakan, tatacara permohonan, format laporan permohonan, proses dan kriteria-kriteria penilaian yang ditetapkan.

3. Definisi Inovasi

Dalam konteks perkhidmatan awam, inovasi boleh ditafsirkan sebagai cetusan idea-idea kreatif yang dapat meningkatkan kualiti dan produktiviti penyampaian perkhidmatan. Idea-idea tersebut boleh diperoleh dari dalam dan luar atau melalui proses penyelidikan atau pembangunan (R&D) sebagai idea baru atau diadaptasi untuk digunapakai mengikut keperluan agensi/jabatan. Inovasi yang dihasilkan hendaklah berupaya menambah nilai output semasa serta membawa transformasi dan perubahan kepada amalan sedia ada. Inovasi boleh berbentuk produk, perkhidmatan, proses atau teknologi.

(Sumber: PANDUAN PENINGKATAN BUDAYA INOVASI DALAM PERKHIDMATAN AWAM bertarikh 29 Januari 2010 oleh MAMPU)

3. Kategori Anugerah Inovasi Perkhidmatan Awam Negeri Kelantan (AISAK)

Sebagaimana dalam anugerah inovasi di peringkat nasional, untuk peringkat negeri Kelantan, anugerah ini juga dalam empat (4) kategori iaitu:

- i) Anugerah Inovasi ICT (AIICT)
- ii) Anugerah Inovasi Pentadbiran Tanah dan Jajahan (AIPTJ)
- iii) Anugerah Inovasi Pihak Berkuasa Tempatan (AIPBT)
- iv) Anugerah Inovasi Pengurusan Kewangan (AIPK)

3.1 Anugerah Inovasi Teknologi Maklumat dan Komunikasi (AIICT)

- Mengiktiraf organisasi di atas inisiatif yang berjaya memanfaatkan ICT secara menyeluruh dan secara inovatif dalam penyampaian perkhidmatan.
- **Agensi Urus Setia:** Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan.
- *Nota: Bagi Anugerah peringkat nasional (AISA), agensi urusetia adalah Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) Jabatan Perdana Menteri*

3.2. Anugerah Inovasi Pentadbiran Tanah dan Jajahan (AIPTJ)

- Mengiktiraf Pejabat Pengarah Tanah dan Galian dan Pejabat Tanah dan Jajahan dengan sistem pengurusan yang cemerlang serta berjaya melaksanakan program-program inovatif dalam meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan pentadbiran tanah di jajahan.
- **Agensi Urus Setia :** Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian Negeri Kelantan

- *Nota: Bagi Anugerah peringkat nasional (AISA), agensi urusetia adalah Unit Pelarasan Pelaksanaan (ICU), Jabatan Perdana Menteri*

3.3. Anugerah Inovasi Pihak Berkuasa Tempatan (AIPBT)

- Mengiktiraf Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang menunjukkan perkhidmatan cemerlang dan usaha gigih serta berinovatif dalam meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan PBT.
- **Agensi Urus Setia:** Bahagian Kerajaan Tempatan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan.
- *Nota: Bagi Anugerah peringkat nasional (AISA), agensi urusetia adalah Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT)*

3.4. Anugerah Inovasi Pengurusan Kewangan (AIPK)

- Mengiktiraf agensi Kerajaan yang menghasilkan inovasi dalam pengurusan kewangan.
- Ia meliputi penambahbaikan sistem yang sedia ada, penjimatan perbelanjaan awam serta peningkatan hasil Kerajaan melalui pengurusan kewangan yang cekap dan berkesan.
- **Agensi Urus Setia:** Pejabat Perbendaharaan Negeri Kelantan.
- *Nota: Bagi Anugerah peringkat nasional (AISA), agensi urusetia adalah Kementerian Kewangan Malaysia.*

4. KRITERIA PENILAIAN

Kriteria adalah berdasarkan kriteria yang ditetapkan oleh MAMPU dalam anugerah inovasi di peringkat nasional iaitu AISA. Untuk keterangan lanjut, agensi/jabatan negeri hendaklah berhubung terus dengan agensi urusetia negeri.

Sebagai makluman ringkas, di bawah ini adalah skop penilaian dan peratusan markah ditetapkan.

4.1 Anugerah Inovasi Teknologi Maklumat dan Komunikasi (AIICT)

Agensi Urus Setia: Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan.

Bil	Kriteria Penilaian	Markah
1	Kreativiti	20%
2	Relevan	15%
3	Significant	15%
4	Keberkesanan	20%
5	Kelestarian	15%

6	Kualiti dan Pengiktirafan	10%
7	<i>Way forward</i>	5%
	JUMLAH	100%

4.2 Anugerah Inovasi Pentadbiran Tanah dan Jajahan (AIPTJ)

Agensi Urus Setia : Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian Negeri Kelantan

Bil	Kriteria	Markah
1	Inovasi / <i>best practice</i>	40%
2	Pengurusan Organisasi	15%
3	Pengurusan Pelanggan	15%
4	Pentadbiran Tanah	15%
5	Pembangunan Fizikal, Masyarakat dan Institusi	15%
	JUMLAH	100%

4.3 Anugerah Inovasi Pihak Berkuasa Tempatan

Agensi Urus Setia: Bahagian Kerajaan Tempatan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan.

Bil	Kriteria	Markah
1	Pengurusan Organisasi	20%
2	Inovasi dalam perkhidmatan teras	40%
3	Usaha-usaha dalam pembudayaan inovasi	40%
	JUMLAH	100%


4.4 Anugerah Inovasi Pengurusan Kewangan (AIPK)

Agensi Urus Setia: Pejabat Perbendaharaan Negeri Kelantan

Bil	Kriteria	Markah
1	Pembudayaan Inovasi	20%
2	Tahap Penambahbaikan	30%
3	Impak Inovasi kepada agensi, stakeholder dan negara	30%
4	Tahap Penambahbaikan	20%
	JUMLAH	100%

5. JADUAL PELAKSANAAN UMUM AISAK 2017

Panduan kepada agensi urusetia



6. JEMPUTAN PENYERTAAN KEPADA AGENSI/JABATAN.

Jemputan penyertaan akan dikeluarkan oleh agensi urusetia masing-masing dan penyertaan untuk tahun 2017 adalah **DIWAJIBKAN**. Agensi/jabatan yang gagal menyertai akan diberikan surat tunjuk sebab.

Agensi/jabatan yang tidak menerima jemputan hendaklah menghubungi terus agensi urusetia atau urusetia induk.

7. SYARAT KELAYAKAN PENYERTAAN, TATACARA PERMOHONAN, FORMAT LAPORAN ANUGERAH, PROSES DAN KRITERIA PENILAIAN.

Akan dimaklumkan terus oleh setiap agensi urusetia

8. PENGHANTARAN PENCALONAN DAN KETERANGAN LANJUT

Penghantaran pencalonan dan apa-apa keterangan lanjut, agensi/jabatan kerajaan negeri hendaklah terus kepada agensi urusetia seperti berikut.

ANUGERAH INOVASI PENGURUSAN KEWANGAN

YB Dato' Hj. Nik Kazim bin Nik
Yusoff , Pegawai Kewangan Negeri
Tel: 09-7481957 samb: 4204

YBrs. Ahmad Irfan bin Ismail
Penolong Pegawai Tadbir
Tel: 09-7481957 samb: 4209

**Pejabat Perbendaharaan
Negeri Kelantan
Blok 4, Aras 2, Kompleks
Kota Darulnaim 15503 Kota**

ANUGERAH INOVASI ICT

YBrs. Nik Mohd Hasanuddin bin
Nik Hussin,
Pengarah
Tel: 09-7430504

Tuan Hj Mohd Zawawi bin Ab
Rahman, Pegawai
Teknologi Maklumat (I)
Tel: 09-7481957 samb: 6132

**Bahagian Pengurusan Teknologi
Maklumat Pejabat Setiausaha
Kerajaan Negeri Kelantan Tingkat
1, Blok 6, Kompleks Kota**

ANUGERAH INOVASI PIHAK BERKUASA TEMPATAN

YBrs. Tuan Hj Ahmad Adlee bin
Yassin

Ketua Penolong Setiausaha
Tel: 09-7434667 samb: 2013

YBrs. Muhammad Naquiuddin bin
Mohd Azamli
Penolong Setiausaha (Pengurusan)
Tel: 09-7481957 samb: 2013

**Bahagian Kerajaan Tempatan
Pejabat Setiausaha Kerajaan
Negeri Kelantan Aras 2, Blok 2,
Kompleks Kota Darulnaim 15503**

ANUGERAH INOVASI PEJABAT TANAH DAN JAJAHAN

YABhg. Dato' Hj. Nazran bin
Muhammad, Pengarah
Tel: 09-7481957 samb: 3032

YBrs. Wan Asma Suhana binti
Wan Deraman
Penolong Pengarah (Audit
Pengurusan)
Tel: 09-7481957 samb: 3124

**Pejabat Pengarah Tanah dan
Galian Negeri Kelantan
Blok 3, Kompleks Kota Darulnaim
15503 Kota Bharu Kelantan.**

9. HADIAH

Hadiah ditawarkan seperti berikut:

- i. Tempat pertama : RM4,000.00,
- ii. Tempat kedua : RM3,000.00
- iii. Tempat ketiga : RM1,500.00

Bersama Piala dan Sijil Penghargaan.

- iv. Saguhati : RM500.00 dan sijil (bagi setiap penyertaan)

10. INSENTIF LAIN.

Pemenang dan peserta yang layak akan seterusnya dicalonkan ke anugerah inovasi peringkat nasional tahun 2018 , iaitu:

- i. Anugerah Inovasi Perdana Menteri**
Hadiah wang tunai RM1 juta

- ii. Anugerah Inovasi Sektor Awam (AISA)**
 - Pertama : RM150,000.00
 - Kedua : RM100,000.00
 - Ketiga : RM50,000.00

DIKELUARKAN OLEH:

URUSETIA INDUK

ANUGERAH INOVASI SEKTOR AWAM NEGERI KELANTAN (AISAK) 2017

BAHAGIAN PENGURUSAN KORPORAT

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN KELANTAN

Pada : 30 April 2017.

JADUAL PELAKSANAAN



AGENSI URUS SETIA (AISA) 2017

AIPK

Pejabat Perbendaharaan Negeri Kelantan
YB.Dato' Hj Nik Karim bin Nik Yusoff
Pegawai Kewangan Negeri
09-7481957 Samb. 4204

YBrs.En. Ahmad Irfan bin Ismail
Penolong Pegawai Tadbir
09-7481957 Samb. 4209

AICT

Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat
YBrs.Nik Mohd Hasanuddin bin Nik Hussain
Pengarah Bahagian
Pengurusan Teknologi Maklumat
09-7430504

YBrs.En. Mohd Zawawi bin Ab Rahman
Pegawai Teknologi Maklumat (I)
09-7481957 Samb. 6132

AIPBT

Bahagian Kerajaan Tempatan
YBrs.Haji Ahmad Adlee bin Yasin
Ketua Penolong Setiausaha (Kerajaan Tempatan)
09-7434667 Samb. 2012

YBrs.Muhamad Naquiddin bin Mohd Azamli
Penolong Setiausaha (Pengurusan)
09-7481957 Samb. 2013

AIPTJ

Pejabat Tanah dan Galian Negeri Kelantan
YABhg.Dato' Haji Nazran bin Muhammad
Pengarah Tanah dan Galian Kelantan
09-7481957 Samb. 3032

YBrs.Pn. Wan Asma Suhana binti Wan Deraman
Penolong Pegawai (Audit Pengurusan)
09-7481957 Samb. 3124



Anugerah INOVASI SEKTOR AWAM NEGERI KELANTAN (AISA) 2017

Penyertaan dibuka kepada semua agensi sektor awam negeri Kelantan bagi bidang Pengurusan Kewangan dan Pengurusan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT). Manakala bidang Pentadbiran Tanah dan Jajahan serta Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan dibuka kepada agensi yang berkaitan

**Tarikh Tutup Pencalonan:
15 Ogos 2017
PENYERTAAN DIWAJIBKAN**

Urusetia Induk
Pejabat Setiausaha Kerajaan
Negeri Kelantan
Bahagian Pengurusan Korporat
7481957 Samb.6500/6508
korporat@kelantan.gov.my

Pendahuluan

Anugerah Inovasi Sektor Awam Negeri Kelantan Tahun 2017 (AISAK)

Anugerah Inovasi Sektor Awam Negeri Kelantan Tahun 2017 (AISAK) adalah merupakan acara kemuncak kepada sambutan Hari Inovasi Perkhidmatan Awam Negeri Kelantan Tahun 2017 ini. Ia juga merupakan pematuan kepada **PEMBUDAYAAN INOVASI DALAM SEKTOR AWAM** yang dikeluarkan oleh MAMPU bertarikh 29 Januari 2010. Ia dibahagikan kepada 4 kategori sebagaimana anugerah inovasi di peringkat nasional (AISA). Tujuan penganjurannya adalah untuk mengiktiraf individu atau kumpulan yang mencetus idea-idea yang kreatif dalam mana-mana aspek kerja yang dapat meningkatkan kualiti dan produktiviti agensi/jabatan kerajaan Negeri Kelantan. Sebelum ini ia dinamakan Anugerah Inovasi Perkhidmatan Awam Negeri Kelantan.

KRITERIA PENILAIAN

AIPK

- 20 % PEMBUDAYAAN INOVASI
- 30 % TAHAP PENAMBAHBAIKAN
- 30 % IMPAK INOVASI KEPADA AGENSI, STAKEHOLDER DAN NEGARA
- 20 % CIRI-CIRI KELEBIHAN INOVASI

AIICT

- 20 % KREATIVITI
- 20 % KEBERKESANAN
- 15 % RELEVAN
- 15 % KELESTARIAN
- 15 % SIGNIFIKAN
- 10 % KUALITI & PENGIKTIRAFAN

- 5 % WAY FORWARD

AIPBT

- 20 % PENGURUSAN ORGANISASI
- 40 % INOVASI DALAM PERKHIDMATAN TERAS
- 40 % USAHA-USAHA DALAM PEMBUDAYAAN INOVASI

AIPTJ

- 40 % INOVASI/BEST PRACTICES
- 15 % PENGURUSAN PELANGGAN
- 15 % PENGURUSAN ORGANISASI
- 15 % PENTADBIRAN TANAH
- 15 % PEMBANGUNAN FIZIKAL, MASYARAKAT DAN INSTITUSI

HADIAH PEMENANG

AISAK 2017

GANJARAN WANG TUNAI!

TEMPAT PERTAMA : RM 4000
TEMPAT KEDUA : RM 3000
TEMPAT KETIGA : RM 1500
SAGUHATI : RM 500

PEMENANG AKAN DICALONKAN KE :

- i) Anugerah Inovasi Perdana Menteri (AIPM) 2018:
Hadiah **RM 1 JUTA**
- ii) Anugerah Inovasi Sektor Awam (AISAK) 2018:
Hadiah :
PERTAMA RM 150 000
KEDUA RM 10 000
KETIGA RM 50 000